



# SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

## PTPTN TAWAR PENSTRUKTURAN PINJAMAN SERENDAH RM300

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif dengan pendekatan mesra pelanggan untuk membantu serta memudahkan peminjam membuat bayaran balik pinjaman. Melihat kepada kesukaran masyarakat Malaysia yang terjejas dan terkesan dengan keadaan ketidaktentuan ekonomi sekarang, PTPTN buat julung kalinya tampil dengan memperkenalkan **Kempen Strukturkan Pinjaman Anda Serendah RM300** khas untuk peminjam PTPTN.
2. Kempen ini merupakan inisiatif khas yang diwujudkan bagi menggalakkan dan memberi sokongan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman PTPTN untuk menyelesaikan tunggakan mereka dengan bayaran awal serendah RM300 sahaja. Kempen berlangsung selama dua (2) bulan bermula 1 Jun 2024 sehingga 31 Julai 2024.
3. Kempen ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan dalam tempoh kempen, sama ada pinjaman konvensional atau ujrah. Peminjam yang mempunyai tunggakan perlu membuat bayaran tunggakan serendah RM300 sahaja untuk penstruktur semula pinjaman dan diwajibkan untuk membuat potongan gaji atau debit terus sebagai kaedah bayaran balik. Ini bagi memastikan peminjam dapat membuat bayaran balik secara konsisten dan teratur. Selain penstruktur, peminjam juga boleh membuat rundingan bayaran balik yang lain seperti pertukaran ujrah, penggabungan pinjaman dan penjadualan semasa tempoh kempen ini.
4. Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, "Kempen ini menawarkan pelbagai manfaat kepada peminjam, antaranya dapat membantu mengurangkan dan mencapai zero tunggakan sekali gus dapat memperbaiki rekod kredit peminjam. Diharapkan melalui kempen yang julung kali ditawarkan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh peminjam PTPTN. Jangan lepaskan peluang untuk memastikan masa depan yang lebih cerah tanpa tunggakan."

5. "Komitmen peminjam yang membuat bayaran balik amatlah dihargai demi kelangsungan dana pinjaman pendidikan kepada anak-anak generasi akan datang, sekaligus memastikan tiada pelajar yang gagal memasuki Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) disebabkan masalah kewangan. Dengan pelbagai usaha dan pendekatan mesra yang dilaksanakan oleh PTPTN, diharapkan para peminjam mengambil peluang untuk membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh kempen ini," tambah beliau lagi.

6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kempen ini dan rundingan bayaran balik sama ada pertukaran Ujrah/ penggabungan/ penjadualan atau penstrukturkan semula pinjaman, peminjam boleh menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- Careline PTPTN di 03 - 2193 3000  
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- Live Chat di portal PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my))
- E-Aduan PTPTN (<https://eaduan.ptptn.gov.my/>)
- Eksekutif Jualan PTPTN (<https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>)
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional